

Pas cabar PM isytihar Malaysia negara Islam

UM - 8 SEP 2001

Oleh YULPISMAN ASLI

KOTA BHARU 7 Sept. — Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor hari ini mencabar Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya mengumumkan secara rasmi di Parlimen bahawa Malaysia sebuah negara Islam.

Beliau berkata, pilihan lain ialah Perdana Menteri boleh memasukkan ke dalam titah ucapan Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan sidang Parlimen akan datang iaitu pengisytiharan Malaysia sebagai negara Islam.

Katanya, kerajaan tidak memperjelaskan konsep negara Islam (yang dilaksanakan di negara ini) sementara pihak media pula tidak memberikan gambaran sebenar sehingga mengelirukan dan menakutkan orang ramai.

“Sebab itu kita perlu memperjelaskan kepada rakyat (apa) yang sebenarnya dikatakan negara Islam ini iaitu seperti yang saya cakap tadi... sebuah negara yang menekankan prinsip-prinsip keadilan yang ditentukan oleh Islam,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan 50 Tahun Jubli Emas Pas di Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (Putik) dekat Pengkalan Chepa di sini hari ini.

Fadzil berkata demikian ketika diminta mengulas lanjut ucapannya yang mencabar Perdana Menteri mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam di Parlimen

atau memasukkan pengisytiharan itu ke dalam titah ucapan Yang di-Pertuan Agong ketika merasmikan sidang Dewan akan datang.

Beliau berkata, jika UMNO benar-benar mahu mewujudkan se-

buah negara Islam atau mahu menggelar Malaysia hari ini sebagai negara Islam, langkah yang paling mulia yang boleh dilakukan ialah menghentikan semua kempen memburukkan negara Islam.

“Jangan hanya menggunakan ulama-ulama upahan untuk menipu orang ramai di kampung kerana negara Islam itu mempunyai komponennya yang tersendiri,” katanya.

Ditanya tentang cabaran Dr.

Mahathir sebelum ini supaya Pas mengemukakan bentuk negara Islam yang hendak ditubuhkannya, Fadzil berkata, Pas tidak perlu menyahut permintaan Perdana Menteri itu kerana dalam perlembagaan Pas jelas bahawa tujuan perjuangannya untuk membentuk masyarakat dan pemerintahan yang berjalan di dalamnya syariat Islam.

“Itulah secara umumnya yang kita sebutkan. Tidak perlu diberi bentuk yang secara khusus seperti yang diminta oleh Perdana Menteri kerana apa yang penting kita buat penjelasan kepada rakyat.

“Sebab itu bila dia mengatakan Malaysia ini negara Islam, saya minta supaya dia mengumumkan secara rasmi dalam Parlimen bahawa Malaysia ini negara Islam,” ujarnya.

Sementara menjawab soalan mengenai langkah kerajaan negeri Terengganu pimpinan Pas yang dikatakan meniru undang-undang Islam Kerajaan Pusat, Fadzil menegaskan rang undang-undang itu tidak ada kena mengena dengan rang undang-undang jenayah.

“Itu undang-undang sivil, undang-undang yang berkaitan dengan pengurusan dan prosedur pelaksanaan sesuatu undang-undang yang tiada kaitan dengan undang-undang jenayah syariah,” jelasnya.